

SOALAN LAZIM : JomPAY

Soalan 1 :

Apa itu JomPAY?

Jawapan :

JomPAY ialah satu inisiatif Nasional yang disokong oleh bank-bank di Malaysia untuk mewujudkan satu kaedah pembayaran melalui online dan telefon mudah alih di Malaysia. MyClear adalah sebuah anak syarikat milik penuh Bank Negara Malaysia yang mengendalikan JomPAY.

Soalan 2 :

Apakah kemudahan yang disediakan melalui JomPAY?

Jawapan :

Dengan JomPAY, anda boleh menikmati kemudahan membuat bayaran cukai taksiran menggunakan dana dari akaun simpanan atau akaun semasa. Selain itu, pelanggan juga boleh menggunakan akaun kad kredit untuk bayaran Cukai Taksiran. Melalui JomPAY, transaksi anda lebih cepat, selamat, dan mudah.

Soalan 3 :

Adakah JomPAY percuma?

Jawapan :

Ya, perkhidmatan JomPAY adalah PERCUMA. Tiada caj dikenakan ke atas pelanggan yang menggunakan perkhidmatan JomPAY.

Soalan 4 :

Di manakah saya boleh menggunakan JomPAY?

Jawapan :

Kemudahan JomPAY boleh dinikmati melalui perbankan internet dan telefon mudah alih melibatkan 40 bank yang terlibat termasuk Maybank2u, CimbClicks dan BankIslam.biz.

Soalan 5 :

Adakah saya perlu mendaftar sebelum membuat pembayaran dengan JomPAY?

Jawapan :

Pendaftaran tidak diperlukan dengan JomPAY. Anda hanya perlu memastikan mempunyai akses kepada perbankan internet bagi bank yang terlibat.

JomPAY MDPM

Soalan 6 :

Saya telah mempunyai akaun (perbankan internet) bank yang terlibat. Apakah langkah pertama yang perlu dilakukan untuk menggunakan JomPAY bagi pembayaran Cukai Taksiran Majlis Daerah Pasir Mas?

Jawapan :

Anda hanya perlu melakukan tiga langkah mudah

- i) Dapatkan Jumlah Bayaran Cukai Taksiran terkini yang perlu dijelaskan dengan merujuk Bil Cukai taksiran terkini atau hubungi talian 09-7916777 (ext :140) untuk sebarang pertanyaan berkenaan bil.
- ii) Dapatkan Biller Code Majlis Daerah Pasir Mas : 79095
- iii) Dapatkan Ref-1 : No Akaun Bil (cukai taksiran anda) pada Bil Cukai Taksiran anda atau Hubungi 09-791 6777 | 09-7916666 untuk pertanyaan.
- iv) Masukkan Ref-2 : No Telefon anda yang boleh dihubungi



Biller Code: 79095
Ref-1: Kod Akaun
Ref-2: Nombor Telefon

JomPAY online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa atau simpanan

***NOTA PENTING : HURUF DAN ANGKA DIMASUKKAN TANPA SIMBOL (—)**

Soalan 7 :

Apakah yang dimaksudkan dengan *Biller Code*?

Jawapan :

Biller Code adalah nombor unik untuk mengenalpasti *Biller* bagi JomPAY.

Biller Code bagi Majlis Daerah Pasir Mas adalah seperti berikut.

Kemudahan	Produk	Biller Code
Biller Code	Cukai Taksiran	79095

Soalan 8 :
Apakah itu *Ref-1*?

Jawapan :
Ref-1 adalah nombor unik yang digunakan oleh Majlis Daerah Pasir Mas untuk mengenal pasti akaun anda.

Ref-2 adalah nombor telefon yang boleh dihubungi oleh pihak Majlis Daerah Pasir Mas bagi menghubungi anda jika perlu.

Ref-1	Ref-2
No Akaun Bil	No Telefon anda

Soalan 9 :
Adakah *Ref-1* berubah-ubah untuk bayaran seterusnya?

Jawapan :
Tidak. *Ref-1* untuk JomPAY Majlis Daerah Pasir Mas adalah tetap berdasarkan akaun pelanggan. Pelanggan digalakkan mengemaskini sebagai *Favourites* setelah berjaya membuat transaksi pertama.

Soalan 10 :
Apakah langkah-langkah untuk menggunakan JomPAY Online?

Jawapan :
Berikut adalah langkah-langkah mudah untuk menggunakan JomPAY Online:

1. Daftar masuk perbankan internet/ telefon mudah alih.
> Pilih Bill Payment > Cari menu JomPAY
2. Mulakan transaksi bayaran .
> Masukkan *Biller Code, Ref-1* dan *Ref-2*
3. Pilih akaun anda, sama ada akaun semasa, simpanan atau kad kredit*
4. Masukkan jumlah bayaran dan teruskan bayaran.
> Resit akan dipaparkan bagi setiap transaksi yang berjaya
5. Kemaskini sebagai *Favourites* untuk bayaran seterusnya pada masa akan datang.
6. Selesai.

*Penggunaan akaun kad kredit

Soalan 11 :

Siapakah kategori pelanggan yang boleh menggunakan JomPAY?

Jawapan :

Semua pelanggan 40 bank terlibat boleh menggunakan JomPAY.

Soalan 13 :

Adakah terdapat had bagi bayaran melalui JomPAY?

Jawapan :

Had bayaran bagi JomPAY adalah seperti berikut:

Had minimum	Had maksimum
RM1.00	Tiada had

Soalan 14 :

Apakah yang perlu saya lakukan jika mempunyai sebarang masalah ketika membuat pembayaran JomPAY?

Jawapan :

Pertama sekali, pastikan butiran bayaran adalah betul termasuk *Biller Code*, *Ref-1* dan Jumlah Pembayaran.

Untuk bantuan seterusnya, sila hubungi

Bahagian Kaunter Cukai Taksiran MDPM di talian 09-7916777 (ext : 140)

Bahagian Kewangan MDPM di talian 09-7916777 (ext : 105)

Soalan

15

:

Saya telah berjaya membuat transaksi, bilakah penyata saya dikemaskini?

Jawapan : Bagi setiap transaksi bayaran yang berjaya, Penyata Akaun Individu Majlis Daerah Pasir Mas akan dikemaskini dalam tempoh 3 hari bekerja.